

E-BULETIN  
EDISI  
2023



Cawangan Negeri Sembilan  
Kampus Rembau



e-BULETIN  
2023

FAKULTI  
PENGURUSAN  
& PERNIAGAAN  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN  
KAMPUS REMBAU



# WHISTLEBLOWER

Enron Company adalah sebuah syarikat yang terkenal pada era tahun 1990 an. Bila mana kita sebut nama Kenneth Lay, Jeffery Skilling, Andrew Stuart Fastow dan Arthur Andersen kebarangkalian besar ramai yang kenal akan watak-watak ini. Hasil tangan-tangan mereka ini menyebabkan sebuah organisasi yang gah pada tahun tersebut lenyap. Sherron Watkins adalah seorang Naib Presiden di Enron yang mendapati laporan kewangan Enron adalah tidak betul mengikut amalan perakaunan. Di mana atas arahan Jeffery Skilling penyata kewangan dimanupulasi dengan satu kaedah yang dikenali sebagai “*mark-to-market*”. Dalam masa yang sama Jeffery Skilling juga menyediakan platform dagangan secara atas talian yang memberikan kesan terhadap harga saham Enron sehingga \$90 bagi seunit saham. Nilai Enron di pasaran selepas itu menjadi \$60 billion tetapi hakikatnya keuntungan syarikat tidak meningkat. Apabila Sherron Watkins merasakan kepincangan telah wujud dalam laporan kewangan Enron, dan melaporkan situasi kepada pengasas Kenneth Lay dengan beberapa bukti. Amalan tidak beretika yang diamalkan di Enron dan laporan yang dilakukan oleh Sherron Watkins sebagai Pemberi Maklumat (*whistleblower*) telah melenyapkan Enron atas penyelewengan korporat yang terbesar ketika itu. Amalan tidak beretika dalam perniagaan perlulah dihentikan dari sekecil-kecil amalan kerana jika tidak dibetulkan maka ia akan menjadi satu kebiasaan yang salah.

Apa itu *Whistleblower*? *Whistleblower* atau pemberi maklumat ialah orang, selalunya pekerja yang mendedahkan maklumat tentang aktiviti dalam organisasi swasta atau awam yang dianggap menyalahi undang-undang, tidak bermoral, haram, tidak selamat atau penipuan. Pemberi maklumat boleh menggunakan pelbagai saluran dalaman atau luaran untuk menyampaikan maklumat atau dakwaan. Jika seorang pekerja merasakan ada penyelewengan berlaku dalam organisasi, maka pendedahan maklumat (*whistleblowing*) perlu dilakukan dengan segera. Menurut Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 (Akta 711) dimana akta ini menggalakkan dan memudahkan orang awam untuk mendedahkan sebarang perbuatan rasuah dan salah laku lain yang termasuk di bawah kelakuan tidak wajar di bawah akta ini. Pemberi maklumat atau *whistleblower* hanya akan dilindungi mengikut akta ini apabila membuat laporan di saluran yang betul. Pemberi maklumat boleh membuat laporan samada secara lisan atau bertulis untuk atas tindakan salahlaku.

Akta 711 terpakai bagi pemberi maklumat yang mendedahkan penyelewengan samada di agensi kerajaan mahupun swasta. Pemberi maklumat tidak perlu gentar ataupun takut kerana pemberi maklumat akan dilindungi. Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 akan melindungi pemberi maklumat kerana mereka dengan sukarela membuat laporan. Akta ini melindungi maklumat sulit seperti maklumat mengenai identiti, pekerjaan, alamat kediaman, tempat pekerjaan dan lain-lain. Pemberi maklumat juga tidak akan dikenakan tindakan sivil atau jenayah. Contohnya jika Abu membuat laporan terhadap penyelewengan majikannya, maka Abu tidak boleh disaman atau didakwa oleh pelaku yang melakukan perbuatan yang tidak wajar.

**Noor Azillah Mohamad  
Ali, Rozihanim Shekh  
Zain & Syazliana  
Kasim**

*UiTM Cawangan Negeri  
Sembilan Kampus Rembau  
&  
& UiTM Cawangan Negeri  
Perlis*

Dalam masa sama Abu tidak boleh dipecat oleh majikan atas tindakan beliau mendedahkan salahlaku majikan kerana Abu dilindungi oleh akta ini.

Kes pertama yang berlaku di Malaysia pada tahun 2020, di mana satu pendakwaan telah di buat oleh pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di mana seorang pegawai kanan sebuah syarikat telah memecat pemberi maklumat dan perbuatan ini telah memudaratkan pemberi maklumat. Berdasarkan Akta 711 semua pemberi maklumat akan dilindungi dari sebarang tindakan yang memudaratkan. Dengan adanya akta ini, pihak SPM menggalakkan orang ramai sama-sama berani menampilkan diri untuk memberikan maklumat lebih-lebih kes rasuah. Selain daripada pemberi maklumat boleh mendapatkan gantirugi atau pampasan jika tindakan memudaratkan dikenakan kepadanya. Pemberi maklumat boleh membuat laporan di semua agensi penguatkuasaan seperti Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Jabatan Imigresen dan lain-lain agensi penguatkuasaan. Orang awam boleh ke mana-mana agensi penguatkuasaan untuk membuat laporan.

Pemberi maklumat bukanlah individu yang hendak menyibuk ataupun suka menjaga tepi kain orang lain tetapi pemberi maklumat hanya ingin melaksanakan tanggungjawab mereka bagi memastikan kepincangan ini dapat dihentikan. Jika seseorang itu mengetahui akan sesuatu perkara yang tidak betul dan membiarkan sahaja tanpa berbuat apa-apa maka pincanglah organisasi secara menyeluruh. Negara juga bolehumpuh jika tiada tindakan betul dibuat dengan segera. Akta ini dibentuk bagi melindungi pemberi maklumat maka rakyat perlu melaksanakan tanggungjawab bagi kesejahteraan semua pihak. Jangan takut untuk menyuarakan kebenaran kerana bak kata pepatah "**berani kerana benar, takut kerana salah**". Rasuah antara salahlaku yang mana akan memberi impak kepada pembangunan sesebuah negara. Jika orang awam yang mengetahui wujudnya salahlaku ini, teruslah memaklumkan kepada pihak pengakuasa, bertindaklah sebagai pemberi maklumat demi satu kebenaran. Rasuah adalah barah yang akan menghancurkan negara kerana impaknya yang besar jika tidak dibendung. Antara kesan rasuah kepada negara adalah seperti perkembangan ekonomi negara menjadi lembap, pelaburan asing berkurangan, terlampaui banyak ekonomi bayangan dan kesan-kesan negatif yang lain. Berperananlah sebagai pemberi maklumat dan jangan khawatir kerana anda akan dilindungi oleh Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 (Akta 711).



*Picture credit to: <https://activesecurity.com.my/whistleblowing-policy/>*